

Yang Amat Arif Ketua Hakim,

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Amat Arif Ketua Hakim Syar'ie,

Yang Amat Arif Hakim-Hakim, Yang Arif Pendaftar-Pendaftar,

Yang Arif Majistret-Majistret, Tetamu-Tetamu, Tuan-Tuan Yang Terutama, Presiden Persatuan Undang-Undang, Para Peguam,

~~Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.~~

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Pagi.

Bagi pihak Pejabat Peguam Negara, pertama-tama saya ingin menyampaikan ucapan tahniah kepada Yang Amat Arif atas kenaikan pangkat ke jawatan paling tinggi Mahkamah Besar sebagai Ketua Hakim.

Ucapan tahniah saya juga ditujukan kepada Yang Amat Arif Pg. Datin Hjh. Rostainah Binti Pg. Duraman atas pelantikan beliau sebagai Hakim Mahkamah Besar dan Yang Arif Hj. Abdulah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Muluk Dato Seri Paduka Hj. Abidin atas pelantikan beliau ke jawatan Ketua Pendaftar Mahkamah Besar.

Dengan pelantikan-pelantikan tersebut dan setelah bekerja bersama-sama dengan Yang Amat Arif selama kira-kira 25 tahun, saya tidak ragu-ragu lagi dengan kepimpinan berwawasan dan tegas Yang Amat Arif Jabatan Kehakiman akan diurus dengan lebih baik lagi.

Penghormatan yang diberikan kepada saya untuk sama-sama hadir dalam upacara penting ini yang menandakan pembukaan tahun undang-undang, menghimpunkan rakan peguam dan setiap orang yang berkenaan dengan undang-undang untuk mengesahkan semula komitmen kita bagi mempertahankan prinsip kedaulatan undang-undang, menghormati dan memuliakan kebebasan, keadilan dan kebebasan Jabatan Kehakiman.

Jenayah siber / Keselamatan siber

Izinkan saya memulakan ucapan ini dengan tajuk yang ternyata menjadi perhatian besar kita dan di seluruh dunia berkaitan dengan revolusi perindustrian ke-4.

Perkembangan teknologi komunikasi telah pun tumbuh pesat dengan kepantasan di luar jangkaan dan negara-negara di seluruh dunia mendapati diri mereka bertindak balas kepada berbagai-bagai isu daripada Revolusi Perindustrian ke-4 ini. Dengannya, ada kapasiti baharu bagi kebebasan bersuara dan pergerakan maklumat secara bebas dan dengannya ada landskap maya audiens yang meluas. Disebabkan oleh kemajuan teknologi komunikasi ini dan konektiviti, kita mendapati diri kita bertindak balas kepada perkara-perkara yang berlaku dengan lebih pantas daripada sebelumnya. Kementerian-Kementerian dan tidak terkecuali Pejabat Peguam Negara berhadapan dengan perkara-perkara perundangan yang baharu timbul dan kompleks yang memaksa kita untuk lebih inovatif dan dinamik dalam memberi nasihat undang-undang dan menjalankan litigasi. Menyedari hakikat bahawa teknologi memacu perubahan dalam hampir segala aspek kehidupan kita, kita mestilah tetap tabah mengikutinya dalam menggubal undang-undang baharu bagi mengawalselainya.

Dalam bulan Ogos tahun lepas, kita telah diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah bagi Persidangan Ketua-Ketua Pendakwa China-Asean ke-11 yakni *11th China-Asean Prosecutors General Conference* dengan tema “Meningkatkan Keupayaan dan Kerjasama dalam Menangani Jenayah Siber”, yang telah dihadiri oleh Ketua-Ketua Pendakwa Negara-Negara Anggota Asean, China dan juga Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong dan Wilayah Pentadbiran Khas Macau. Perkara yang diingat dari persidangan itu adalah komitmen kuat ASEAN dan China untuk bekerjasama rapat dalam menangani jenayah siber dan jenayah terancang transnasional baik di peringkat nasional mahupun serantau. Selain berkongsi amalan terbaik dan hala tuju ke hadapan, rakan-rakan ASEAN kita menyedari dengan jelas bahawa kita memerlukan negara China, sebagai sebuah negara paling maju di rantau ini dari segi teknologi bagi menyokong proses kerjasama ini sama ada kita menjadi cekap dan berjaya dalam memerangi masalah ini. Pada penghujung persidangan itu suatu deklarasi bersama telah ditandatangani oleh pihak-pihak itu untuk memperkukuh komitmen ini.

Banyak yang diperkatakan tentang ancaman jenayah siber dan keselamatan siber yang telah berlaku di seluruh dunia dan saya tidak akan menyatakan secara spesifik kepada Yang Amat Arif tetapi mencukupi untuk mengatakan kesedaran akan hal ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Pejabat Peguam Negara

bekerjasama rapat dengan Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bagi menggubal undang-undang baru untuk mewujudkan rangka kerja pengawalseliaan bagi memantau dan melaporkan dengan lebih berkesan mengenai ancaman keselamatan siber. Pada masa yang sama, mewujudkan rejim pelesenan yang juga berfungsi untuk mengawal selia bagaimana keselamatan data dikendalikan melalui rangkaian bergerak dan penyedia keselamatan data. Adalah diharapkan undang-undang baru ini akan menambah dimensi lanjut bagi privasi data, rangka kerja undang-undang jenayah siber dan keselamatan siber pada keseluruhannya.

Pindaan Perundangan

Mengenai perkara perundangan, pada tahun lepas kita telah membuat pindaan kepada peruntukan-peruntukan berhubung dengan pecah amanah jenayah (CBT) di bawah Kanun Hukuman Jenayah dengan menambah hukuman penjara bagi kesalahan-kesalahan ini. Hukuman penjara bagi pecah amanah jenayah di bawah bab 406 telah ditambah dari 5 kepada 10 tahun. CBT yang dilakukan oleh pembawa yang diamanahkan dengan harta di bawah bab 407, hukuman penjara telah ditambah dari 10 kepada 15 tahun. Bagi CBT yang dilakukan oleh kerani atau pekerja, hukuman penjara sekarang ini boleh sampai 15 tahun, yang sebelum ini 10 tahun. Manakala, pecah amanah jenayah yang dilakukan oleh kakitangan kerajaan, jurubank dan pedagang atau ejen, hukuman penjara maksimum sekarang ini adalah 20 tahun yang sebelum ini 10 tahun.

Pindaan lain juga memasukkan 2 bab baru, bab 409A baru membuat peruntukan bahawa tidaklah menjadi suatu pembelaan untuk menunjukkan bahawa harta itu digunakan secara terbuka atau bahawa penggunaannya itu telah direkodkan dan dicatatkan dalam buku dan akaun mana-mana syarikat atau persatuan atau kumpulan orang sama ada diperbadankan atau tidak.

Manakala, bab 409B sekarang ini membuat peruntukan anggapan berhubung dengan kesalahan-kesalahan yang melibatkan pecah amanah jenayah bahawa mana-mana orang yang diamanahkan dengan harta atau dengan kuasa ke atas harta adalah dianggap telah bertindak secara tidak jujur jika dibuktikan bahawa dia telah menyalahgunakan harta itu, menggunakan atau melupuskan harta itu dengan melanggar mana-mana arahan undang-undang atau membiarkan mana-mana orang untuk melakukan apa-apa perbuatan itu.

Isu Bunuh Diri / Kesihatan Mental

Satu lagi perkara yang diberikan perhatian signifikan yang Pejabat Peguam Negara turut bersama Jawatankuasa Brunei adalah mengenai peningkatan kadar bunuh diri dan isu kesihatan mental. Menurut statistik polis, dari tahun 2014 hingga 2017, Pasukan Polis Diraja Brunei telah merekodkan 35 kes bunuh diri, 6 kes pada tahun 2014, 8 kes setiap tahun pada 2015 dan 2016 dan 13 kes pada tahun 2017 dan 9 percubaan bunuh diri. Dari Januari hingga Ogos 2018 tahun lepas, terdapat 11 kes bunuh diri dan 7 percubaan bunuh diri, jumlah yang membimbangkan bagi sebuah negara kecil.

Sementara persepsi dan stigma masyarakat tidak menggalakkan bercakap atau bagi perkara itu menerima mempunyai isu ini, saya percaya lebih banyak program kesedaran (jerayawara, pendidikan awam) boleh membantu dan dengan agensi-agensi lain kerajaan yang berkaitan dan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) dengan memberikan sokongan sosial dan kaunseling untuk mengubah pola fikiran mengenai kecelaruan mental. Lebih banyak program latihan mengenai Perintah Kesihatan Mental bagi pekerja sosial, profesional kesihatan, ahli keluarga yang berkenaan dan guru-guru.

Persatuan Undang-Undang

Akhir sekali, saya ingin mengatakan sedikit mengenai Persatuan Undang-Undang. Persatuan Undang-Undang sebagai persatuan profesional bagi peguam bela dan peguam cara di negara ini bertindak bukan sahaja sebagai sebuah badan tatatertib dan pengawalseliaan tetapi juga mewakili kepentingan ahli-ahlinya. Lahir sebagai sebuah badan *self-disciplinary*, dengan sendirinya membawa tradisi yang dihormati dengan panggilan “pembela orang ramai”. Persatuan undang-undang jelas memainkan peranan yang positif dan penting dalam masyarakat, dengan memberikan akses yang berkesan kepada keadilan dan nasihat profesional mengenai semua perkara undang-undang, pada masa yang sama bertindak sebagai salah satu jentera penting untuk memelihara semak dan imbang dalam fungsi proses undang-undang yang sewajarnya.

Walau bagaimanapun ada masanya peguam-peguam gagal menggunakan disiplin diri dan gagal memenuhi komitmen mereka. Pada masa itu, mereka mendapati diri mereka berada di bawah pertimbangan tatatertib. Pada masa ini, dengan panel siasatan dua peringkat dan proses jawatankuasa tatatertib di bawah Perintah Profesion Undang-Undang (Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam), lambat menyelesaikan proses tatatertib menyebabkan pengadu merasa tidak puas hati dan mereka menuduh Persatuan Undang-Undang telah menghampakan

mereka dan kewujudan Persatuan Undang-Undang adalah semata-mata untuk melindungi ahli-ahlinya sahaja.

Saya sendiri mengetahui terdapat kesukaran dalam mengambil orang ramai untuk menduduki panel siasatan dan jawatankuasa tatatertib, memandangkan kebanyakan yang menganggotainya mengetahui satu sama lain, dengan itu menimbulkan isu percanggahan ini. Melangkah ke hadapan, mungkin sudah sampai waktunya kita patut meneliti semula peruntukan ini dengan tujuan hanya ada satu panel atau jawatankuasa siasatan dan proses penilaian tatertib hendaklah ditentukan dan diuruskan oleh mahkamah.

Pejabat Peguam Negara akan bekerja rapat dengan Persatuan Undang-Undang mengenainya dan berharap dapat mencari keseimbangan belas kasihan dan keadilan yang betul dengan yang demikian Aturan Peraturan patut diwujudkan bagi peguam-peguam untuk bertindak balas secara konsisten dan saksama terhadap salah laku dengan cara yang adil dan bijaksana pada setiap masa dan pada masa yang sama, dengan cepat bertindak balas terhadap aduan-aduan ini. Kebimbangan saya lahir semata-mata dengan dorongan untuk mengekalkan standard dan integriti Persatuan Undang-Undang.

Dalam upacara yang penting ini, saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada personel Pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Mencegah Rasuah, Biro Kawalan Narkotik, Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Penjara dan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain kerana kerjasama dan dedikasi mereka dalam memelihara keamanan dan kestabilan negara kita yang ada kalanya kita ambil ringan.

Akhir kalam, saya menyampaikan penghargaan ikhlas saya kepada Ketua Pendaftar dan jawatankuasa penganjur kerana kerja keras mereka dan kerana membuat penyusunan yang cemerlang dalam upacara pagi ini. Saya mengucapkan kepada Yang Amat Arif, warga Jabatan Kehakiman, peguam-peguam dan semua yang hadir pagi ini semoga tahun baru 2019 ini mendatangkan kebahagiaan dan kejayaan.

Terima kasih.